

KEBERKESANAN PERTUBUHAN BELIA DALAM MENYEMAI JATI DIRI ISLAM

MOHD ISA HAMZAH, MOHD ALIFF MOHD NAWI, JAMIL AHMAD, AB
HALIM TAMURI, AMIRAH ISMAIL, NURUL PASIAH HASSAN & SITI
SYAZWANI SALLEH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aktiviti pertubuhan belia dan hubungankaitnya dengan jati diri Islam dari sudut akidah, ibadah dan akhlak dalam membangunkan jati diri remaja muslim. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Responden kajian melibatkan seramai 304 orang remaja dari 12 buah pertubuhan belia di kawasan Serdang dan Hulu Langat, Selangor. Data dianalisis secara deksriptif menggunakan peratusan, kekerapan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jati diri Islam dalam kalangan belia dari sudut akidah (min=4.66) dan akhlak (min=4.40) berada pada tahap yang sangat tinggi manakala jatidiri islam dari sudut ibadah hanya pada tahap tinggi sahaja (min=4.14). Sehubungan dengan itu, penekanan terhadap aspek ibadah perlu diberi perhatian kerana aspek ini merupakan 'terjemahan' dari amalan seseorang individu yang bergelar muslim.

Kata kunci: Pertubuhan belia, jati diri Islam, remaja

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the type of youth activities and it's relationship with the development of the Islamic identity concerning faith, worshipping rituals and morality. A survey has been conducted among 304 activies from 12 different youth organizations in Serdang and Hulu Langat Selangor. The data collected was analysed descriptively which are based on the percentage, frequency and mean. The result of this study showed that the Islamic identity among Muslim's teenager is very high particularly the faith (min=4.66) and the values (min=4.40). However the score for the worshipping rituals is decreased significantly (min=4.14) and it should be improved as worshipping rituals is very important aspect of Islam.

Keywords: Youth, Islamic identity, teenagers

PENDAHULUAN

Remaja merupakan aset terpenting negara yang akan mewarisi pucuk kepimpinan negara pada masa hadapan. Kejayaan untuk membangunkan sebuah negara yang maju di masa hadapan banyak bergantung pada generasi muda sekarang. Generasi muda seperti remaja pada masa kini perlu diberi perhatian yang serius untuk menghasilkan modal insan kelas pertama. Selain daripada ingin mencapai tahap

negara maju, keperluan kemajuan dari segi kerohanian perlu diselarikan dengan kemajuan material (Jamil & Norlia, 2008). Nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam diri setiap remaja agar menjadi pegangan asas dalam hidup mereka.

Al-Quran telah menggariskan panduan kepada manusia agar berakhlak mulia dan berbudi pekerti dalam setiap perbuatan mahu pun tutur kata. Setiap perbuatan yang dilakukan adalah lahir dari jiwa manusia (Luqman, 2009). Oleh itu, penekanan terhadap pembentukan tingkah laku merupakan salah satu perkara penting dan harus diberikan keutamaan sejak dari kecil kerana perkara ini akan mempengaruhi kehidupan seseorang manusia (Nik Azis & Noraini, 2008). Malah, perkara ini merupakan salah satu misi junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dibangkitkan untuk kepada sekalian umat manusia. Sabda baginda s.a.w:

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas jelas menunjukkan keutamaan akhlak dan peribadi mulia diberi perhatian penting dalam kehidupan manusia. Intipati utama akhlak yang dibawa oleh baginda tersimpul dalam bentuk larangan dan tegahan bermula dari peringkat individu, keluarga dan masyarakat (Al-Qaradhawi, 1977). Manakala Abdullah Darraz (1987) pula menyatakan bahawa prinsip perlakuan akhlak ini perlu diamalkan oleh semua pihak termasuklah individu, keluarga, masyarakat dan pemerintah. Konsep komprehensif yang dibawa oleh agama menjadikan Islam lebih praktikal, anjal, bersifat sejagat dan diterima oleh akal yang rasional.

Segala perbuatan dan tindakan yang berteraskan ajaran Islam lahir dari hati yang subur dengan keimanan kepada Allah s.w.t. Inilah jati diri yang perlu disemai dalam diri setiap remaja muslim agar menjadi benteng yang kukuh dan dapat membendung dari segala anasir yang buruk. Kekuatan keimanan perlu dipupuk sejak kecil agar ia menjadi penjana kepada keperibadian Muslim yang sejati.

PERNYATAAN MASALAH

Kesan dari proses urbanisasi, ledakan globalisasi dan kemajuan teknologi komunikasi di negara maju telah memberi impak yang besar kepada tingkah laku manusia (Mohd Aliff et al., 2011). Golongan remaja tidak terlepas dari menerima pengaruh yang amat besar ini, bahkan mereka adalah golongan yang paling mudah terpengaruh kerana mereka masih mencari-cari identiti diri. Tanpa pegangan agama yang kukuh, remaja akan mudah goyah dan mudah terpengaruh. Jati diri mereka akan luntur dan menyebabkan hilangnya maruah diri, agama dan bangsa.

Pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja sering terparap di dada akhbar. Kes rogol, lepak, lumba haram, dadah, bunuh, pergaulan bebas dan pembuangan bayi semakin meningkat dari semasa ke semasa (Abdul Halim &

Zarin, 2009; Badruzaman, 2006; Mahmood et al., 2006; Syed Kamaruzaman et al., 2007). Terdapat pelbagai tindakan telah dilakukan oleh pihak berwajib bagi menangani masalah ini namun gejala sosial seolah-olah tiada berkesudahan dan masih berlarutan (Ezani et al., 2005; Khalim & Wan Zulifli, 2009). Kelihatan lebih ramai dalam kalangan remaja terjebak kepada budaya yang tidak sihat dan hal ini menunjukkan bahawa jati diri Islam dalam kalangan remaja semakin pudar.

Selain itu, laporan penglibatan remaja dalam gejala sosial di media massa menyebabkan ibu bapa bimbang dengan keadaan anak-anak mereka. Ekoran dari senario ini, ramai para ibu bapa kini lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama (Abdul Hafiz et al., 2003; Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010). Walau bagaimanapun, tempat yang diperuntukkan cukup terbatas sehingga pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mewujudkan kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan terpilih sahaja (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010).

Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) juga telah mengambil pelbagai langkah proaktif bagi menangani masalah yang berkaitan remaja melalui pertubuhan belia. Pihak kementerian juga telah memberi galakan dan memperkasakan pelbagai program dengan memperuntukkan dana yang besar berjumlah RM 12 juta kepada pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia (ucapan Y.B Dato' Ismail Sabri Yaakob Menteri KBS: 8hb Feb 2009). Peruntukan dana yang begitu besar ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh pertubuhan belia yang kini berjumlah 8,017 buah persatuan yang berdaftar mewakili melebihi 2 juta lebih remaja di seluruh Malaysia (Pendaftar Pertubuhan Belia, 2012). Keberkesanan kesemua aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini perlu dilihat dan dikaji dari segi perlaksanaannya agar dapat menyumbang kepada pembinaan jati diri Islam dalam kalangan remaja khususnya remaja yang beragama Islam.

Justeru, kajian ini cuba mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang dijalankan pertubuhan-pertubuhan belia dalam membangunkan jati diri Islam dalam kalangan remaja. Selain itu, kajian juga akan melihat sejauhmanakah aktiviti-aktiviti ini dapat menyemai jati diri Islam dari sudut akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan belia muslim di Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan yang melibatkan kaedah kajian tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian tinjauan sesuai dijalankan oleh pengkaji yang ingin mengetahui untuk mengukur sikap, tingkah laku, pendapat dan persepsi dari kumpulan subjek yang besar seperti pelajar atau golongan remaja. Jenis tinjauan yang digunakan dalam kajian ini ialah tinjauan semasa (*cross-sectional survey*). Soal selidik yang diedar mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A (Profil Responden), bahagian B merangkumi jati diri dari sudut Akidah, bahagian C melibatkan Ibadah dan bahagian D melibatkan akhlak.

Instrumen kajian dibina berdasarkan konsep-konsep keperibadian Muslim yang dibina oleh Fathi Yakan (1992). Soal selidik ini juga mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai alpha cronbach 0.944.

Kajian menggunakan pemilihan sampel secara rawak berkelompok. Sampel adalah kalangan belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Responden kajian dipilih berdasarkan ahli yang beragama Islam dan aktif di sekitar kawasan Hulu Langat, Selangor. Soal selidik diedar kepada 18 buah pertubuhan belia dari bulan Ogos sehingga September 2011. Walau bagaimanapun, hanya 12 pertubuhan sahaja yang memberi respon dan memulangkan semula soal selidik kajian yang berjumlah 304 orang.

Responden perlu memberi jawapan kepada pernyataan-pernyataan yang disediakan mengikut amalan aktiviti yang dianjurkan oleh pertubuhan masing-masing, berpanduan skala 1 hingga 5. Skala 1 merujuk kepada respon sangat tidak bersetuju dan 5 untuk sangat bersetuju. Skor jawapan yang diperolehi diinterpretasikan seperti yang dicadangkan oleh Jainabee & Jamil (2009). Skor min 4.20–5.00 menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang Sangat Tinggi, min 3.40–4.20 menunjukkan persetujuan pada tahap Tinggi, min 2.60–3.40 menunjukkan mereka bersetuju pada tahap Sederhana, min 1.80–2.60 menunjukkan tahap persetujuan yang Rendah dan min 1.00– 1.80 adalah tahap yang Sangat Rendah.

JADUAL 1 Skala yang digunakan dalam Instrumen penilaian

Min	Nilai Data	Interpretasi
1.00 – 1.80	1	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	2	Rendah
2.61 – 3.40	3	Sederhana
3.41 – 4.20	4	Tinggi
4.20 – 5.00	5	Sangat Tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009)

DAPATAN KAJIAN

Tinjauan Terhadap Aktiviti Yang Dianjurkan

Rajah 1 di bawah menunjukkan beberapa aktiviti utama yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia. Aktiviti-aktiviti ini telah dikenal pasti melalui borang soal selidik dalam *open-ended question*. Hasil dari analisis dapatan, penyelidik telah mengenalpasti 6 aktiviti utama yang sering dianjurkan oleh ahli-ahli pertubuhan belia. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah, (1) sukan & rekreasi, (2) khidmat masyarakat & sukarelawan, (3) kursus & seminar, (4) keagamaan & kerohanian, (5) lawatan & kembara, dan (6) perhimpunan & keramaian.


Secara keseluruhannya, aktiviti yang mendapat skor yang paling tinggi adalah aktiviti sukan & rekreasi iaitu seramai 86% dari responden terlibat dan

cenderung kepada aktiviti yang berbentuk sukan & rekreasi. Aktiviti kursus & seminar juga menarik perhatian belia di mana 73% dari responden terlibat dengan aktiviti yang memberi manfaat kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Selain itu, pertubuhan belia juga dikenali pasti sering mengadakan aktiviti khidmat masyarakat dan sukarelawan di mana 65% dari responden terlibat aktif. Begitu juga dengan aktiviti perhimpunan dan keramaian mendapat skor sebanyak 61%. Hasil skor yang diperolehi dari kedua-dua aktiviti ini dilihat memuaskan kerana ia dapat membantu masyarakat sekeliling dan menerapkan budaya tolong-menolong dalam kalangan ahli pertubuhan belia.

Dapatan skor bagi aktiviti yang berbentuk keagamaan dan kerohanian pula menduduki tempat kedua rendah di mana hanya 51% dari responden yang terlibat aktif. Dapatan skor ini agak rendah berbanding aktiviti-aktiviti di atas. Manakala aktiviti yang mendapat skor paling rendah berbanding dengan aktiviti-aktiviti lain ialah lawatan dan kembara (21%).

RAJAH 1 Aktiviti utama yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan belia



Jati diri Islam Dari Sudut Akidah

Jadual 2 di bawah menunjukkan dapatan kajian jati diri Islam dari sudut akidah berdasarkan beberapa elemen yang terdapat di bawah. Secara keseluruhannya, jati diri Islam dari sudut akidah dalam kalangan ahli pertubuhan belia berada pada tahap yang sangat baik kerana semua elemen mendapat skor sangat tinggi. Jika dilihat secara terperinci, kajian mendapati elemen keyakinan kepada Allah mendapat skor sangat skor sangat tinggi iaitu min=4.83, diikuti elemen kecintaan kepada Rasulullah

(min=4.77), berbangga sebagai seorang muslim (min=4.74) dan keimanan kepada balasan akhirat (min=4.62). Dapatan yang paling rendah ialah item berusaha menegakkan syiar Islam iaitu min=4.33. Dapatan menunjukkan keyakinan yang tinggi di kalangan responden terhadap paksi-paksi utama dalam sistem kepercayaan Islam.

JADUAL 2 Jati Diri Islam dari Sudut Akidah

Item	Peratus (%) (f)					Min	Interpretasi
	SR	R	S	T	ST		
Yakin kepada Allah	-	0.7 (2)	3.6 (11)	8.2 (25)	87.5 (266)	4.83	Sangat Tinggi
Kecintaan kepada Rasulullah	0.3 (1)	1.0 (3)	3.3 (10)	12.2 (37)	83.2 (253)	4.77	Sangat Tinggi
Berbangga sebagai penganut agama Islam	0.3 (1)	1.0 (3)	3.6 (11)	14.5 (44)	80.6 (245)	4.74	Sangat Tinggi
Beriman kepada balasan akhirat	-	1.3 (4)	7.9 (24)	18.1 (55)	72.7 (221)	4.62	Sangat Tinggi
Berusaha menegakkan syiar Islam	1.3 (4)	2.0 (6)	13.5 (41)	28.9 (88)	54.3 (165)	4.33	Sangat Tinggi
Jumlah Jati Diri Islam dari Sudut Akidah						4.66	Sangat Tinggi

Jati Diri Islam dari Sudut Ibadah

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian jati diri Islam dari sudut ibadah. Secara keseluruhannya, jati diri Islam dari sudut ibadah dalam kalangan ahli pertubuhan belia berada pada tahap tinggi iaitu min=4.14. Dapatan menunjukkan dua item mendapat skor sangat tinggi iaitu berdo'a kepada Allah (min=4.59) dan item mendirikan solat (min=4.32). Manakala, tiga item lagi menunjukkan penurunan skor iaitu item kekerapan membaca Al-Quran (min=3.97), menghadiri pengajian ilmu (min=3.94) dan item amalan sunat (min=3.87). Walaupun skor keseluruhan berada pada tahap tinggi namun dapatan jelas menunjukkan bahawa aspek amalan terutama membaca Al-Quran, menghadiri pengajian ilmu dan melakukan amalan sunat adalah menurun dan perlu dipertingkatkan.

JADUAL 3 Jati Diri Islam dari Sudut Ibadah

Item	Peratus (%) (f)					Min	Interpretasi
	SR	R	S	T	ST		
Berdoa kepada Allah	0.3 (1)	1.3 (4)	8.6 (26)	18.4 (56)	71.4 (217)	4.59	Sangat Tinggi
Kerajinan mendirikan solat	1.3 (4)	3.6 (11)	13.8 (42)	24.7 (75)	56.6 (172)	4.32	Sangat Tinggi
Kekerapan membaca Al-Quran	3.3 (10)	6.6 (20)	21.1 (64)	28.3 (86)	40.8 (124)	3.97	Tinggi
Menghadiri pengajian ilmu	0.7 (2)	6.6 (20)	23.4 (71)	36.5 (111)	32.9 (100)	3.94	Tinggi

Peningkatan amalan sunat	1.3 (4)	5.3 (16)	25.0 (76)	42.1 (128)	26.3 (80)	3.87	Tinggi
Jumlah Jati Diri Islam dari Sudut Ibadah						4.14	Tinggi

Jati Diri Islam dari Sudut Akhlak

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian bagi jati diri Islam dari sudut akhlak. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan jati diri Islam dari sudut akhlak dalam kalangan ahli pertubuhan belia pada tahap yang sangat tinggi iaitu min=4.40. Dapatan menunjukkan item menjaga maruah diri mendapat skor yang paling tinggi iaitu min=4.60, diikuti oleh item kemampuan bekerjasama dengan orang lain min=4.44, item menjaga akhlak (min=4.39), menyatakan perkara yang benar (min=4.33) dan yang terakhir kekerapan bermuhasabah diri (min=4.22). Min keseluruhan bagi akhlak (min=4.40) didapati jauh lebih baik dari min ibadah (min=4.14) dan tidak jauh dari min akidah iaitu min=4.66

JADUAL 4 Jati Diri Islam dari Sudut Akhlak

Item	Peratus (%) (f)					Min	Interpretasi
	SR	R	S	T	ST		
Menjaga maruah diri	0.3 (1)	0.3 (1)	5.9 (18)	25.7 (78)	67.8 (206)	4.60	Sangat Tinggi
Bekerjasama dengan orang lain	0.3 (1)	0.3 (1)	7.2 (22)	38.8 (118)	53.3 (162)	4.44	Sangat Tinggi
Menjaga akhlak Islam	-	2.0(6)	10.2 (31)	34.2 (104)	53.6 (163)	4.39	Sangat Tinggi
Menyatakan perkara yang benar	0.3 (1)	0.7 (2)	12.8 (39)	38.2 (116)	48.0 (146)	4.33	Sangat Tinggi
Kekerapan bermuhasabah diri	-	1.6 (5)	14.1 (43)	44.4 (135)	39.8 (121)	4.22	Sangat Tinggi
Jumlah Jati Diri Islam dari Sudut Akhlak						4.40	Sangat Tinggi

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, aktiviti responden kajian ini boleh dibahagikan kepada enam kelompok aktiviti iaitu sukan dan rekreasi, khidmat masyarakat dan sukarelawan, perhimpunan dan keramaian, keagamaan dan kerohanian, lawatan dan kembara. Dapatan menunjukkan bahawa sukan dan rekreasi merupakan aktiviti yang paling banyak disertai oleh responden. Fenomena ini adalah sesuatu yang menarik perhatian dan sekali gus menimbulkan persoalan. Adakah ini indikator yang menunjukkan pertubuhan-pertubuhan belia telah mula memikirkan aktiviti-aktiviti sukan yang dapat menarik minat golongan remaja? Kajian IPPBM (2012) menunjukkan keinginan belia Malaysia untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan telah meningkat daripada 14.3 pada tahun 2006 kepada 47.7 dalam tahun 2008. Dapatan kajian ini yang dijalankan pada tahun 2011 turut menyokong dapatan kajian pada tahun 2008 di mana berlakunya peningkatan terhadap penglibatan aktiviti sukan di kalangan remaja. Sekiranya peningkatan aktiviti sukan remaja ini

adalah berpunca dari perancangan strategik persatuan-pertubuhan belia maka ini menunjukkan trend peningkatan aktiviti sukan yang amat baik dari tahun 2006, 2008 dan 2011.

Bagaimanapun, dapatan kajian ini agak mengejutkan kerana kegiatan keagamaan dan kerohanian di dapati tidak diberi tumpuan oleh ahli-ahli pertubuhan belia. Hal ini dibuktikan dengan kurangnya aktiviti kerohanian dan keagamaan yang diikuti oleh responden dalam dapatan kajian ini (51%). Kurangnya kegiatan keagamaan dan kerohanian dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan boleh memberi kesan secara tidak langsung kepada jati diri belia remaja di Malaysia.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek akidah dalam kalangan responden adalah sangat tinggi di mana min keseluruhan ialah 4.66. Ini menunjukkan jati diri belia sebagai seorang muslim di kawasan kajian adalah sangat baik jika dilihat melalui penerimaan positif mereka terhadap item-item di dalam konstruk Akidah. Aspek akidah adalah aspek terpenting untuk menjadi muslim sejati sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Rashid (2003) bahawa ia adalah asas atau tapak bagi pembinaan Islam keseluruhannya dalam diri manusia. Asas akidah yang melibatkan kepercayaan keagamaan dan ketuhanan berupaya menjadikan seorang muslim itu mempunyai jati diri yang sangat tinggi

Hubungan antara kepercayaan dan amalan harus seiring kerana ibadah itu adalah hasil atau kesan dari kekuatan aqidah seseorang. Apabila akidah sangat kuat maka ibadah seharusnya kuat malah lebih tinggi agar berpatutan dengan aqidah yang kuat tadi sebagaimana Abdul Malik (2009) di dalam kajiannya yang membincangkan perihal aqidah telah menyatakan bahawa semakin kuat aqidah atau iman seseorang maka semakin kuat dorongan untuk melakukan amal soleh.

Dalam konteks sosial, akhlak merupakan sendi yang mengikat kukuh perhubungan dalam sesebuah masyarakat sehingga dapat menjamin kewujudan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan di dalam masyarakat tersebut (Azhar & Ab. Halim, 2005). Individu yang mempunyai akhlak yang baik akan menyumbang kepada kesejahteraan dalam masyarakat. Hasil dapatan kajian ini yang memberi min yang positif kepada peningkatan akhlak, memberikan harapan yang positif kepada keberkesanan aktiviti-aktiviti pertubuhan belia dalam melahirkan ahli-ahli yang mempunyai jati diri yang kuat. Adalah menjadi harapan agar penglibatan belia dalam aktiviti yang sihat dapat memelihara mereka dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak baik dan perbuatan-perbuatan keji.

RUMUSAN

Menerusi kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa tahap jati diri Islam dalam kalangan belia di kawasan kajian adalah positif dari sudut aqidah, ibadah dan akhlak. Pertubuhan belia di kawasan kajian dilihat dapat memberi banyak manfaat menerusi aktiviti-aktivitinya dalam membangunkan generasi yang mempunyai jati

diri terhadap agama. Oleh itu, menjadi satu kewajipan kepada semua pihak untuk menyokong dan membantu pertumbuhan-pertumbuhan sama ada dari segi kewangan mahu pun kemudahan infrastruktur dalam usaha membina generasi yang mempunyai jati diri yang kukuh dan berguna kepada negara, bangsa dan agama.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai sepenuhnya melalui dana Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPBBM), Kementerian Belia dan Sukan. Kumpulan penyelidik ingin mengucapkan penghargaan kepada IPBBM kerana memberi kepercayaan untuk menjalankan penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Bin Tamuri & Zarin Ismail. 2009. Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Sari (ATMA)*, 27 (1): 199-212
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusuf. 2010. *Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Al-Bukhari. 1994. *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Jil. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Malik Abdullah. 2009. Integrasi Aqidah Dalam Pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi. *Jurnal "Al-Qalam"*. 15 (23):175-198.
- Abdul Rashid Ahmad. 2003. *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. 2005. Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Badrulzaman Baharom. 2006. Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Di Daerah Pontian, Johor. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ezani Yaakub, Mohd Takiyuddin Ibrahim & Kamariah Yusuff. 2005. Latar Belakang Pendidikan Agama Banduan Jatuh Hukum : Kajian Di Penjara Pusat Kajang. Laporan penyelidikan oleh Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan Universiti Teknologi Mara. Shah Alam.
- Fathi Yakan. 1992. *Apa Ertinya Saya Memeluk Islam?* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

- Hasbullah L. Isa. 2009. Rasulullah Rahmat Seluruh Alam. Buletin Perkim Edisi 2. [http://eperkim.perkim.net.my/media/content/document/BULETIN %20 MAC %2009.pdf](http://eperkim.perkim.net.my/media/content/document/BULETIN_%20MAC%2009.pdf). [17 Disember 2010]
- Ismail Sabri. 2009. Ucapan Perasmian Memperkasa Bantuan Belia Perak. <http://www.kbs.gov.my/index.php/bm/component/content/article/47-ucapan-menteri/346-majlis-perasmian-memperkasa-bantuan-belia-perak> [20 Januari 2011]
- IPPBM. 2012. Indeks Belia Malaysia (IBM). Tarikh akses 10 Jan 2012. <http://ippbm.gov.my/index.php/component/content/article.html?id=265>
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. 2009. Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16* pada 21 - 24 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- Jamil Ahmad & Norlia Goolamally. 2008. Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia Ke Arah Pendidikan Berkualiti. *Prosiding Panitia Diklat Mahajemen Guru Internasional*. 4-5 Jun
- Khalim Zainal & Wan Zulkifli Wan Hassan. 2009. Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic & Arabic Education*. 1(2): 1-14.
- Luqman Junaedi. 2009. *Ensiklopedia Tasawuf Imam al-Ghazali*. Jakarta: Penerbit Hikmah.
- Mahmood Nazar Mohamed, and Yahya Don, and Mohamad Hassan, and Muhamad Dzahir Kasa. 2005. Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya? *Malaysian Journal of Learning & Instruction*. 108-134.
- Mohd Aliff Mohd Nawawi, Mohd Isa Hamzah, Zanizam Zaidi, Surina Akmal & Asdiri Kholili. 2011. Impak Globalisasi Terhadap Pendidikan Islam Masa Kini. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Anjuran Jabatan Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Kota Bharu, Kelantan 25-26 November.
- Muhammad Abdullah Darraz. 1987. *Prinsip akhlak berdasarkan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa & Noraini Idris. 2008. *Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia: pengalaman 50 tahun merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

- Pendaftar Pertubuhan Belia. 2012. Registration statistic. Atas talian <http://roy.kbs.gov.my> [6 Mei 2012]
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Syed Zulkarnain & Shabeshan Rengasamy. 2007. Program Pemulihan Amalan Tabiat Merokok dalam Kalangan Remaja di Sekolah. *Masalah Pendidikan*, 30(1): 89-99.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities*. 7(1): 84-93.
- Kassim Mohamad, Mokhtar Muhammad & Haliza Hassan. 2007. Pendedahan kepada Majalah Hiburan (Hai & Mangga): Tahap Penerimaan Pembaca. Laporan Penyelidikan Fakulti Komunikasi & Multimedia, UiTM, Shah Alam.
- Dr Mohd Isa Hamzah, BA(Al-Azhar), DipPend(UKM) MA(Birmingham), PhD(Warwick, UK). Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor. Bidang kepakaran beliau adalah Pendidikan Islam, Pengajaran Bahasa Arab. Boleh dihubungi melalui email cher69@yahoo.com
- Mohd Aliff Mohd Naw, BEd(UKM). Pembantu Penyelidik di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sedang menyiapkan Sarjana di fakulti yang sama berkaitan dengan Mobile Learning dalam Pendidikan Islam. Boleh dihubungi melalui email: aliffmohamed@yahoo.com
- Jamil Ahmad, PhD (UKM). Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor
- Ab. Halim tamuri, PhD (Birmingham UK). Pensyarah Kanan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor
- Amirah Ismail. Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor
- Nurul Pasihah Hassan, BA(UKM). Pembantu Penyelidik di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sedang menyiapkan Sarjana di Fakulti yang sama berkaitan dengan tajuk multicultural di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSM. Boleh dihubungi melalui email nurulpasihah11@yahoo.com

Siti Syazwani Salleh, BA(UKM). Pembantu Penyelidik di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sedang menyiapkan Sarjana di Fakulti yang sama berkaitan dengan tajuk multicultural dalam kalangan pelajar muslim di sekolah. Boleh dihubungi melalui email sitisyazwani89@yahoo.com

Profil Penulis

*Mohd Isa Hamzah
Pensyarah Kanan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
isa_hamzah@yahoo.com*

*Mohd Aliff Mohd Nawawi
Pembantu Penyelidik
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
aliffmohamed@yahoo.com*

*Nurul Pasihah Hassan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
nurulpasihah11@yahoo.com*

*Siti Syazwani Salleh
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
sitisyazwani89@yahoo.com*